



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16/7/2014

# Ubah penempatan kampung air Sabah - Tun Mahathir

UM-16/7/2014

KUALA LUMPUR 16 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Sabah akan terus menerima ancaman pencerobohan oleh pegganas dan penyeludup selagi wujudnya kampung air di negeri itu.

Menurut beliau, hal itu terbukti apabila berlaku beberapa lagi serangan selepas peristiwa keganasan yang berlaku di Lahad Datu.

Katanya, kampung air menjadi pintu masuk tidak rasmi ke negara ini oleh pendatang asing melalui bot yang boleh mendarat di mana-mana sudut kampung air itu tanpa diketahui oleh sesiapa dan kebanyakannya berlaku di waktu malam apabila penyeludupan barangan dan senjata boleh dilakukan dan disimpan dalam rumah kampung air.

“Seperti kita semua maklum

peristiwa serangan pegganas di Lahad Datu terjadi kerana kampung air sukar diawasi dan dikawal oleh pihak berkuasa.

“Di waktu pegganas menyerang Lahad Datu, pasukan keselamatan terdedah kepada serangan dan tembakan oleh pegganas yang bersembunyi dalam rumah kampung air. Perjalanan pihak polis mudah didengar dan dilihat oleh pegganas.

“Sesungguhnya zaman kampung air sudah berakhir. Cara hidup dalam kampung air tidak lagi sesuai sekarang dengan adanya jalan dan bekalan yang cukup,” katanya dalam blog [www.chedet.cc](http://www.chedet.cc) hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, sudah tiba masanya kerajaan dapat memindahkan penduduk kampung air dan ditempatkan di kawasan yang lebih selamat di daratan.

Kata beliau, walaupun kosnya agak tinggi, beliau percaya kerajaan dapat melaksanakannya selain membekalkan pelbagai alatan canggih seperti bot laju, pesawat intip dan senjata kepada pasukan keselamatan.

“Amat memalukan apabila Malaysia tidak mampu menghalang pegganas dari memasuki wilayah bila-bila masa sahaja. Apa akan terjadi jika serangan oleh beribu pegganas berlaku? Ingatlah, kita tidak terfikir 200 orang dapat mendarat dan menguasai satu kawasan di Sabah. Tetapi ia berlaku.

“Sesungguhnya cara hidup di kampung air sudah melampaui zaman. Ia sudah tentu tidak akan mencerminkan imej Malaysia maju yang kita fikir kita akan jadi menjelang 2020,” katanya.